

## ANUGERAH TEMPAT KERJA SELAMAT 2012

### PENGENALAN

Anugerah Tempat Kerja Selamat 2012 diadakan bersempena dengan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM 2012. Anugerah ini bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada Pusat Tanggungjawab di UKM yang mengutamakan dan mengamalkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja masing-masing.

### KRITERIA PENILAIAN

- 1) Anugerah dibahagikan kepada 3 kategori:
  - i. Pentadbiran/Institut/Pusat
  - ii. Fakulti
  - iii. Kolej
  
- 2) Sekiranya pihak fakulti/institut/pusat/kolej telah bersedia untuk menyertai anugerah ini, sukacita sekiranya dapat ***mencalonkan tempat kerja yang terbaik*** untuk anugerah tersebut.

### **JUMLAH PENCALONAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

#### **a) PENTADBIRAN/INSTITUT/PUSAT**

2 buah pejabat, 2 buah makmal dan 2 buah stor

***Atau***

6 tempat kerja

***Atau***

Keseluruhan kawasan (*sekiranya PTJ berkenaan hanya mempunyai satu ruang kerja*)

#### **b) KATEGORI FAKULTI**

2 buah pejabat, 2 buah makmal dan 2 buah stor

***Atau***

6 tempat kerja

**1. KOLEJ KEDIAMAN**

6 blok kediaman

**Atau**

6 tempat kerja

- 3) Pihak jawatankuasa akan **membuat pemilihan beberapa tempat kerja daripada senarai yang dicalonkan untuk dijalankan audit penilaian**. Tarikh audit akan dimaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab.
- 4) Pengadilan bagi setiap kategori meliputi beberapa kriteria yang berkaitan:-
- a) Pematuhan Perundangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
  - b) Keselamatan umum
  - c) Keselamatan kebakaran
  - d) Keselamatan pejabat
  - e) Peralatan keselamatan
  - f) Pengurusan sisa
  - g) Keselamatan sinaran/ kimia/ biologi/komputer/ mekanikal/stor
  - h) Aspek persekitaran di tempat kerja

**a) Pematuhan Perundangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan**

Penilaian berdasarkan pematuhan perundangan KKP seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, pemeriksaan tempat kerja, program KKP dan lain-lain

**b) Keselamatan umum**

Penilaian berdasarkan kepada keselamatan umum di antaranya ialah laluan kecemasan, peti pertolongan cemas, keselamatan elektrik dan lain - lain.

**c) Keselamatan kebakaran**

Penilaian berdasarkan tahap penyediaan peralatan pengesan dan pemadam kebakaran di tempat kerja.

**d) Keselamatan pejabat**

Penilaian berdasarkan aspek keselamatan berkaitan peralatan dan perabot di pejabat.

**e) Peralatan keselamatan**

Penilaian berdasarkan tahap penyediaan peralatan untuk mencegah dan menghadapi kecemasan. Contohnya peralatan perlindungan diri, *safety shower* dan lain-lain.

**f) Pengurusan sisa**

Penilaian berdasarkan pengurusan sisa bahan berbahaya meliputi penyimpanan, pelabelan dan lain-lain.

**g) Keselamatan sinaran/ kimia/ biologi/komputer/ mekanikal/stor**

Penilaian berdasarkan tahap pematuhan dan amalan keselamatan dalam aspek keselamatan bagi makmal sinaran/ kimia/ biologi/komputer/ mekanikal/stor.

**h) Aspek Persekitaran di tempat kerja**

Penilaian berdasarkan aspek kebersihan, kekemasan, pencahayaan, pengudaraan, tahap bunyi dan kualiti peralatan/perabot di tempat kerja.

**PENERIMA ANUGERAH**

Penerima anugerah akan diumumkan semasa perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM 2012. Hadiah berupa geran penambahbaikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, plak dan sijil penyertaan.